

20 MAR 1996

PROJEK WAFER TETAP DITERUSKAN, KATA PEGAWAI LG

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 20 Mac -- LG Group dari Korea Selatan komited dalam menjayakan kilang semi-konduktor yang berharga AS\$1.3 bilion (RM3.25 bilion) di Taman Perindustri Kulim, kata seorang pegawai kanan syarikat itu hari ini.

Dr Lee Chong Suk, pengarah urusan kanan kumpulan itu berkata, syarikat itu yang mempunyai kilang yang serupa di negara-negara lain, pasti akan meneruskan projek itu dan operasi dijangka bermula pada tahun 1997.

"Tidak ada sebarang perubahan pada rancangan kami untuk mengeluarkan wafer dari kilang ini," katanya kepada Bernama apabila diminta mengulas laporan sebuah akhbar asing bahawa projek tersebut telah diketepikan oleh kerajaan.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan kertas kerja mengenai syarikat tersebut di simposium Pelaburan Keluara Asia, Dagangan dan Strategi Kewangan anjuran South-South Corp Bhd dan Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala dari kumpulan Bank Dunia.

Wafer merupakan komponen penting dalam pembuatan separa konduktor.

Menjawab soalan pemberita pada hari Isnin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menafikan dakwaan bahawa projek tersebut telah ditangguhkan.

Kilang wafer ini merupakan usaha sama di antara LG dan Hitachi Group dari Jepun, dengan 49 peratus kepentingan dipegang oleh Korea.

Lee berkata kerja pembinaan mungkin akan dimulakan pada Jun atau Julai ini.

-- BERNAMA

SHO KY MA